BAB 2 ▷▷ Zaman Air Batu

2.1 Pembentukan Fizikal Bumi

1. **650 juta** tahun dahulu, bumi tiada hidupan.
2. **390 juta** tahun dahulu, air laut masih tawar dan wujud ikan dan amfibia.
3. **195 juta** tahun dahulu, wujud Zaman Jurasic dan hidupan utama ialah dinosaurus.
4. **94 juta** tahun dahulu, dinosaurus pupus dan rupa bentuk benua mula kelihatan.
5. **18,000** tahun dahulu, paras air laut meningkat. Anjing, kucing, badak sumbu, dan kuda telah wujud.

2.2 Garis Masa Zaman Air Batu


1. Zaman Air Batu terbahagi kepada Zaman Miosen, Zaman Pliosen, Zaman Pleistosen, dan Zaman Holosen.
2. Menurut ahli paleontologi, hidupan di bumi bermula semenjak **545 juta** tahun dahulu.
3. Kepelbagaiannya spesies binatang berkait rapat dengan perubahan iklim dan peringkat zaman yang dilaluinya.

2.3 Tahap Zaman Air Batu

1. **Zaman Miosen** berlaku 23 juta – 5 juta tahun dahulu. Gunung-ganang yang wujud pada hari ini telah terbentuk secara fizikal. Wujud mamalia, hidupan di laut, dan di air. Suhu dunia panas dan kering.
2. **Zaman Pliosen** berlaku 5.3 juta – 2.6 juta tahun dahulu. Penyejukan dan pengeringan alam sekitar global pada masa itu menyumbang kepada penyebaran padang rumput dan savana. Terbentuk jambatan darat Panama antara Amerika Utara dan Amerika Selatan yang mendorong penghijrahan tumbuhan dan haiwan ke habitat baharu. Terbentuk dataran tinggi Colorado, Amerika Syarikat yang dikenali sebagai Grand Canyon.
3. **Zaman Pleistosen** berlaku 2.5 juta – 10,000 tahun dahulu. Glasier berlaku sebanyak 11 kali. Manusia mengetahui cara membuat api. Kebanyakan binatang ketika itu masih kekal hingga kini. Sekitar 50,000 tahun dahulu, manusia telah sampai ke Australia melalui jalan darat dari Asia Tenggara (Pentas Sunda).
4. **Zaman Holosen** bermula 10,000 tahun dahulu hingga kini. Berlaku kemajuan dalam pendidikan, pentadbiran, keagamaan, dan undang-undang.

2.4 Ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir

1. **Aras laut** – Permukaan air laut membeku. Paras air laut rendah.
2. **Ciri fizikal bumi** – Permukaan air laut membeku. Menyebabkan sebahagian besar bumi dilitupi salji.
3. **Binatang** – Binatang seperti mamot berbulu, badak, kuda, dan singa tinggal di kawasan tanah pamah yang sejuk.



4. **Tumbuhan** – Tumbuhan utama ialah rumput dan tumbuhan renek yang menjalar.
5. **Suhu** – Suhu dunia terlalu sejuk. Dunia dilitupi salji terutama di kawasan kutub dan Benua Eropah.
6. **Kehidupan manusia** – Terdapat manusia yang tinggal di kawasan tanah pamah yang sejuk.

2.5 Perubahan Zaman Air Batu Akhir

1. **Glasier** telah mengubah bentuk fizikal bumi. Air batu yang cair dari tanah tinggi dan gunung akan membawa batu dan tanah semasa menuruni tanah tinggi. Lebihan air yang dibawa akan melimpahi ke kawasan laut. Kesannya, berlaku **perubahan paras air laut** dengan kedalaman 100 meter.
2. Kecairan air batu membentuk **tasik air tawar** seperti Tasik Dayang Bunting di Malaysia dan Great Lakes di Kanada.
3. **Kepupusan binatang** yang hidup pada Zaman Pleistosen seperti mamot, sloth, dan harimau bertaring.
4. Manusia perlu menyesuaikan aktiviti harian dengan perubahan iklim. Mereka **berhijrah** dari Benua Afrika ke Benua Asia dan Benua Eropah.
5. Iklim bumi berubah daripada terlalu sejuk kepada **sederhana sejuk**. Kegiatan radiasi bumi yang berlaku daripada sinaran matahari menjadi penyebab utama **peningkatan suhu bumi**.
6. Kesan perubahan Zaman Air Batu Akhir di Asia Tenggara ialah **kenaikan paras air laut** di Pentas Sunda dan **pergerakan manusia** di sekitarnya.

BAB 3 ▷▷ Zaman Prasejarah

3.1 Maksud Zaman Prasejarah

1. Zaman Prasejarah ialah zaman **manusia belum mengetahui dan mengenal tulisan**.
2. Tempoh masa Zaman Prasejarah:

Zaman Paleolitik	2.5 juta – 8,000 SM
Zaman Mesolitik	12,000 – 4,000 SM
Zaman Neolitik	10,000 – 2,000 SM
Zaman Logam	3,500 SM – 500 M

3.2 Lokasi Zaman Prasejarah di Asia Tenggara

1. **Ban Chiang, Thailand** merupakan tapak Zaman Neolitik dan Zaman Logam. Manusia Prasejarah menjalankan kegiatan menternak binatang, pertanian, pembuatan logam, tekstil dan tembikar.
2. **Lenggong, Malaysia** membuktikan kehidupan manusia merentas Zaman Paleolitik, Hoabinhian, dan Neolitik.
3. **Gua Liang Bua, Pulau Flores di Indonesia** membuktikan kehidupan manusia Zaman Paleolitik hingga Zaman Logam. Penemuan fosil dinamakan *Flores Man (Homo Floresiensis)*.
4. **Gua Padah-Lin** membuktikan kehidupan manusia Zaman Prasejarah di Myanmar.
5. **Sa Hyun, Vietnam** menjalankan aktiviti pembuatan tembikar.
6. **Gua Tabon, Filipina** menemui rangka manusia berusia antara 22,000 – 24,000 SM.



3.3 Kesinambungan Sumbangan Zaman Prasejarah kepada Kemajuan Kehidupan Manusia

1. Aktiviti pertanian

- (a) Kegiatan pertanian mula dijalankan pada Zaman Neolitik.
- (b) Tanaman yang ditanam ialah padi, gandum, dan barli.

2. Memburu binatang

- (a) Pada Zaman Prasejarah, manusia memburu binatang menggunakan senjata yang diperbuat daripada batu, kayu, tulang, gangsa, dan besi.
- (b) Manusia masa kini menggunakan sumpit, tombak, anak panah dan senapang.



3. Menternak binatang

- (a) Manusia menternak binatang sejak Zaman Neolitik untuk membolehkan mereka mendapat sumber makanan berterusan.
- (b) Kini, penternakan dijalankan secara besar-besaran untuk menampung keperluan daging dan tenuku.

4. Peralatan

- (a) Manusia Zaman Batu menggunakan peralatan daripada batu, kayu, dan tulang dalam kehidupan mereka.
- (b) Peralatan gangsa dan besi dicipta apabila mereka mengetahui tentang campuran logam, acuan, dan suhu pembakaran.

5. Tembikar

- (a) Manusia Prasejarah menghasilkan tembikar untuk dijadikan bekas makanan, peralatan memasak, dan upacara ritual.
- (b) Pembuatan tembikar masih kekal hingga kini. Contohnya, industri labu sayong di Kuala Kangsar, Perak.

6. Monumen dan seni bina

- (a) Manusia Zaman Neolitik membina monumen untuk pelbagai tujuan.
- (b) Sebahagian binaan tersebut masih kekal sebagai warisan sejarah untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

7. Ideofak

- (a) Manusia Zaman Prasejarah mengebumikan mayat dengan pelbagai peralatan dan bahan makanan.
- (b) Manusia masa kini masih mengamalkan penghormatan terhadap mayat mengikut kepercayaan dan agama masing-masing.

BAB 4 ▷▷ Mengenali Tamadun

4.1 Maksud Tamadun

1. Tamadun bermaksud **pencapaian tertinggi** masyarakat dalam pelbagai bidang seperti kegiatan pertanian, perdagangan, sistem pemerintahan, pembentukan bandar, dan teknologi yang didorong oleh daya kreatif dan inovasi.



4.2 Konsep Tamadun

1. Sudut pandangan Islam

- (a) Dibina atas kerangka Islam sebagai *al-Din* (cara hidup). Merangkumi pembangunan lahiriah dan rohaniah.

2. Sudut pandangan Barat

- (a) Diukur melalui pencapaian ilmu dan teknologi, sistem ekonomi, struktur politik, kemasyarakatan, dan petempatan di bandar.

4.3 Ciri-ciri Tamadun Awal Dunia

1. Pertanian dan perdagangan

- (a) Perkembangan aktiviti pertanian dibuktikan melalui pembinaan saliran, pengenalan kincir air, penciptaan pelbagai peralatan, dan pembinaan teres di tanah tinggi.
- (b) Lebihan daripada hasil pertanian telah mewujudkan kegiatan perdagangan.



2. Sistem pemerintahan

- (a) Kerajaan dibentuk untuk menguruskan pemerintahan di negara-kota kesan pembentukan bandar.
- (b) Pada peringkat awal, pendeta mengetuai pemerintahan kemudian diganti oleh raja.



3. Pembentukan bandar

- (a) Perkembangan dalam bidang pertanian menyebabkan manusia mula membina petempatan kekal.
- (b) Petempatan kekal bermula dengan kampung. Apabila penduduk bertambah, kampung disatukan membentuk bandar.

4. Pengkhususan pekerjaan

- (a) Kesan perkembangan pesat bandar telah meningkatkan jumlah penduduk, mewujudkan pengkhususan pekerjaan dan menawarkan banyak peluang pekerjaan.

5. Teknologi

- (a) Tamadun Mesopotamia terkenal dengan Taman Tergantung Babylon, tamadun Mesir Purba dengan piramid dan sfinks, tamadun Indus dengan negara-kota Mohenjo-Daro dan tamadun Huang He dengan hasil cipta sutera.

6. Organisasi sosial

- (a) Kemunculan golongan pekerja dalam tamadun Mesir Purba telah membentuk kelas sosial berdasarkan jenis pekerjaan, kekayaan, dan pengaruh.

7. Agama dan kepercayaan

- (a) Mereka menyembah tuhan bulan, matahari, ibu, dan sungai.
- (b) Institusi agama telah diwujudkan untuk menguruskan upacara ritual seperti korban binatang atau memberi makanan kepada kuasa roh.

8. Tulisan dan penyimpanan rekod



- (a) Pengenalan tulisan membezakan kehidupan Zaman Prasejarah dan sejarah.
- (b) Manusia mencipta tulisan menggunakan simbol abstrak untuk melahirkan pelbagai idea. Tulisan pertama menggunakan simbol gambar atau pictograf.

9. Kesenian dan kesusasteraan

- (a) Artisan menggunakan gaya dan teknik tertentu untuk menggambarkan budaya masing-masing.
- (b) Mereka menghasilkan patung dan lukisan yang menggambarkan tuhan, dewa, pahlawan, dan pemerintah.

BAB

1

Mengenali Sejarah

1.1 Pengertian Sejarah

Buku Teks ms. 4

TP 2

1. Lengkapkan ayat dalam petikan berikut.

SP

buku	ilmu	kajian	kehidupan
masyarakat	menyelidiki	peristiwa	masa lampau

- (a) Sejarah merupakan disiplin ilmu tentang peristiwa masa lampau.
- (b) Sejarah ialah peristiwa yang berlaku pada masa lalu dalam kehidupan sesebuah masyarakat atau negara.
- (c) Sejarawan merupakan ahli sejarah yang menyelidiki rekod-rekod lalu dan memuatkan dapatan kajian mereka seperti dalam bentuk buku, monograf atau makalah.

TP 2

2. Gariskan jawapan yang betul.

SP

- (a) Dalam bahasa Melayu, istilah sejarah berasal daripada perkataan Arab, (syajaratun : halimatun) yang bermaksud (buah : pokok). Sejarah juga dikaitkan dengan salasilah, riwayat, (keturunan : kehidupan) dan asal usul.
- (b) Menurut (Sejarah Melayu : Kamus Dewan), sejarah bermaksud asal usul (keturunan), salasilah. Sejarah ialah peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, (riwayat : dongeng) dan tambo. Sejarah merupakan kajian atau (pemerhatian : pengetahuan) tentang peristiwa-peristiwa yang telah lalu.
- (c) Dalam bahasa (Portugis : Inggeris), sejarah ialah *history* bermaksud cerita (seseorang : masyarakat). Perkataan ini berasal daripada bahasa Yunani, (historia : histeria) yang bererti penyelidikan.

TP 1

3. Padankan istilah berikut dengan bahasa yang betul.

SP

Istilah	Bahasa
(a) <i>History</i>	Bahasa Arab
(b) <i>Historia</i>	Bahasa Inggeris
(c) <i>Syajaratun</i>	Bahasa Yunani


1.2 Pengertian Sejarah Mengikut Pandangan Sejarawan

4. Lengkapkan pengertian sejarah dan namakan sejarawan berikut.

TP 3

SP
1.1.2

(a)



Herodotus

Sejarah merupakan penceritaan tentang tindakan manusia yang penting dan mengagumkan serta sebab berlakunya sesuatu peristiwa.

(b)



Khoo Kay Kim

Sejarah mendorong kita lebih memahami apa yang berlaku pada masa kini, di samping menjamin kesilapan yang sama tidak berulang.

(c)



Ibn Khaldun

Sejarah membincarakan tentang masyarakat manusia, peradaban dunia dan perubahan yang berlaku pada sifat-sifat masyarakat itu.

(d)



Muhd Yusof Ibrahim

Sejarah merupakan catatan atau rekod tentang sesuatu peristiwa yang berlaku pada suatu masa yang lalu.

(e)



E.H. Carr

Sejarah merupakan tindak balas pembaca terhadap penulisan sejarah, iaitu fakta-fakta yang ditulis oleh sejarawan.



1.3 Masa Silam dan Ruang dalam Sejarah

5. Nyatakan maksud konsep masa berikut.

TP 2

SP
1.1.3

Konsep masa	Maksud
(a) Dekad	Jangka masa sepuluh tahun.
(b) Abad	Jangka waktu seratus tahun.
(c) Alaf	Tempoh masa seribu tahun.
(d) Kronologi	Rentetan peristiwa yang berlaku mengikut urutan masa.
(e) Zaman Masihi	Bermula dengan kelahiran Nabi Isa AS.

6. Susun peristiwa sejarah berikut ① – ⑥ mengikut kronologi masa yang betul.

TP 3

SP
1.1.3

2



1



4



5



6



3

1.4 Sumber Sejarah

7. Lengkapkan rajah di bawah.

SP
1.1.4

TP 3


i-Think Peta Dakap

Ciri-ciri sumber sejarah

TUTORIAL




Sumber Sejarah




8. Nyatakan sama ada sumber berikut sumber primer atau sumber sekunder.

SP
1.1.4


TP 3




(a) Sumber primer



(b) Sumber sekunder




(c) Sumber sekunder



(d) Sumber sekunder



(e) Sumber primer



(f) Sumber primer

- 9.** Gambar berikut menunjukkan Candi Lembah Bujang.

SP
1.1.4



KBAT EKSTRA



Soalan	Jawapan
(a) Apakah jenis sumber sejarah tersebut?	Sumber primer bukan artifak.
(b) KBAT Menganalisis	Apakah maklumat yang boleh didapati daripada penemuan candi tersebut? Kewujudan pengaruh Hindu dan Buddha serta hubungan perdagangan antara India dengan Kedah.
(c) KBAT Menilai	Pada pendapat anda, apakah kepentingan sumber sejarah kepada sejarawan? Menentukan kebenaran dan kesahihan sesuatu fakta sejarah.
(d) KBAT Menilai	Apakah kesan jika tapak warisan sejarah negara dimusnahkan? Sejarawan tidak dapat melakukan penyelidikan dan peristiwa sejarah tidak dapat dibuktikan.



AKTIVITI PAK-21

► Lawatan ke Galeri




- Bahagikan kelas kepada beberapa kumpulan kecil.
- Setiap kumpulan akan memilih salah satu muzium yang terdapat di Malaysia seperti:
 - Muzium Diraja
 - Muzium Rakyat
 - Muzium Negara
 - Muzium Negeri
 - Muzium Arkeologi Lenggong
- Ahli kumpulan akan membuat kajian dengan mengadakan lawatan atau mendapatkan maklumat daripada internet tentang sumber sejarah primer dan sekunder yang terdapat di muzium tersebut.
- Hasil dapatan dipersembahkan dengan gambar foto dan penerangan yang menarik.
- Kemudian, hasil kerja setiap kumpulan akan ditampal di dinding untuk dilihat oleh ahli kumpulan lain.
- Ahli kumpulan akan bergerak untuk melihat, menganalisis, dan memberi komen hasil kerja kumpulan lain.

1.5 Penyelidikan dalam Sejarah

10. Nyatakan kaedah yang digunakan oleh sejarawan semasa melakukan penyelidikan dalam sejarah.

TP 1

SP
1.1.5

CETUS IDEA



11. Jelaskan kaedah penyelidikan dalam sejarah berikut.

SP
1.1.5

MAHIR UASA

TP 3

Penyelidikan dalam sejarah		
(a) Kaedah lisan	(b) Kaedah bertulis	(c) Kaedah arkeologi
Merupakan proses mendapatkan maklumat melalui temu bual. Tokoh yang ditemu bual digelar orang sumber.	Merupakan kajian terhadap sesuatu peristiwa daripada maklumat pada sumber yang ditulis, dipahat, dan dilakar.	Merupakan kajian secara saintifik untuk mencari maklumat daripada bahan tinggalan sejarah menggunakan kaedah gali cari atau ekskavasi.

12. Lengkapkan peta alir berikut tentang proses kaedah bertulis.

SP
1.1.5

TP 4

(a) Mengenal pasti sumber bagi sesuatu peristiwa, tokoh, atau institusi.

(b) Mendapatkan dan mengesahkan sumber bertulis tersebut.

(c) Mengumpul dan menyimpan sumber yang diperoleh bagi memudahkan rujukan semula.

(d) Menggunakan peralatan seperti komputer bagi menganalisis data, menyunting penulisan, serta menyusun bibliografi dan statistik.

- 13.** Kenal pasti kaedah penyelidikan sejarah yang sesuai bagi tujuan berikut.

SP
1.1.5

	Maklumat	Kaedah penyelidikan sejarah
(a)	Dr. Ahmad Ziqri ingin mengetahui kehidupan orang Asli di Jerantut, Pahang.	Kaedah lisan
(b)	Ahli arkeologi menjalankan kajian di perairan Pulau Bidong untuk mengetahui kes kapal karam purba.	Kaedah arkeologi bawah air
(c)	Profesor Syed Badrul menjalankan kajian tentang masyarakat Zaman Prasejarah di Kota Tampan, Perak.	Kaedah arkeologi
(d)	Priya dan Haris ditugaskan menyiapkan kajian tentang legenda Mahsuri di Langkawi.	Kaedah lisan dan kaedah bertulis
(e)	Rahimah dan Mei Ling hendak menyiapkan tugasan tentang Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.	Kaedah bertulis

- 14.** Rujuk petikan akhbar berikut. Kemudian, jawab soalan berikutnya.

SP
1.1.5KBAT
Menganalisis


SEJARAH ...pengkaji arkeologi dari USM menemui pelbagai batuan di Bukit Bunuh.

Lenggong tumpuan dunia

LENGGONG: Daerah ini bakal 'popular' dalam tempoh terdekat termasuk menjadi tumpuan pengkaji arkeologi serata dunia selain tarikan pelancongan selepas diiktiraf Tapak Warisan Dunia pada 30 Jun lalu.

Ahli Parlimen Lenggong, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, beliau yakin pengkaji dan ahli akademik seluruh dunia akan datang melakukan kajian berterusan,

manakala pelancong pula semakin berminat meneroka kawasan itu.

Menurutnya, kehadiran mereka juga dijangka melonjakkan pembangunan di sekitar kawasan itu dan Perak kerana bakal menjadi lokasi tumpuan dunia.

Pada 30 Jun lalu, Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) mengiktiraf Lenggong seba-

gai Tapak Warisan Dunia yang diumumkan di St Petersburg, Rusia.

Kompleks Kebudayaan Paleolitik pertama di dunia itu diitemui sekumpulan penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) di Bukit Bunuh, Kota Tampan di sini, dan diiktiraf sebagai Tapak Warisan Arkeologi Dunia sebagai satu-satunya tapak penempatan masyarakat Paleolitik dunia.

Sumber: Harian Metro, 12 Julai 2012

	Soalan	Jawapan
(a)	Namakan sumber sejarah yang ditemui.	Sumber primer
(b)	Apakah kaedah penyelidikan sejarah yang digunakan?	Kaedah arkeologi
(c)	Mengapa kaedah tersebut dipilih?	Melibatkan kaedah gali cari atau ekskavasi terhadap bahan tinggalan sejarah seperti fosil.
(d)	Cadangkan cara untuk menjaga tapak warisan sejarah negara.	Mewartakkannya sebagai lokasi bersejarah, membaik pulih tanpa menjelaskan keasliannya, dan mengenakan denda berat kepada mereka yang merosakkan tapak warisan sejarah negara.

1.6 Tafsiran dalam Sejarah

15. Jawab soalan di bawah dengan tepat dan ringkas.

TP 5

- SP** 1.1.6 (a) Mengapakah sesuatu peristiwa sejarah perlu dibuat tafsiran yang betul?

Menjadikan peristiwa sejarah bermakna dan memperoleh kebenaran.

- (b) Tafsiran tentang sesuatu peristiwa sejarah yang sama mungkin berbeza antara sejarawan. Mengapakah perkara ini berlaku?

KBAT
Menganalisis



Perbezaan tafsiran wujud disebabkan pemilihan sumber yang pelbagai, perbezaan pandangan, perbezaan ideologi, dan tujuan penulisan.

- (c) Berdasarkan peristiwa sejarah berikut, nyatakan perbezaan tafsiran antara sejarawan Barat dan sejarawan tempatan.

KBAT
Menganalisis

Peristiwa sejarah	Tafsiran sejarawan Barat	Tafsiran sejarawan tempatan
Perjuangan Tok Janggut di Pasir Puteh, Kelantan	<u>Pemberontak kerana menentang British.</u>	<u>Pejuang kerana mempertahankan hak dan maruah bangsa.</u>

- (d) Tafsiran sejarah yang tidak tepat dikatakan sebagai tafsiran yang berat sebelah. Bagaimanakah sejarawan dapat membuat tafsiran sejarah yang betul dan tepat?

KBAT
Mencipta

Sejarawan hendaklah menjalankan kajian secara menyeluruh. Sejarawan hendaklah jujur dan bertanggungjawab dalam membuat penyelidikan agar masyarakat mendapat gambaran yang jelas dan tepat.

- (e) Apakah kesan jika sejarawan tidak membuat tafsiran sejarah dengan betul dan tepat?

KBAT
Menilai

Masyarakat akan mempercayai maklumat yang salah dan menjelaskan hubungan antara kaum atau sesebuah negara dengan negara lain.

TP 3

1.7 Kepentingan Mempelajari Sejarah

16. Berdasarkan gambar berikut, nyatakan kepentingan mempelajari sejarah.

SP
1.1.7(a) Mengukuhkan perpaduan(d) Mengambil iktibar(b) Mengenal asal usul(e) Memupuk semangat patriotik(c) Membangunkan negara dan bangsa(f) Mengaplikasikan Kemahiran Pemikiran Sejarah

17. Isikan tempat kosong di bawah.

SP
1.1.7

harmoni	kesedaran	pengajaran	asal usul
kesilapan	kritis dan analitis	kegemilangan	berbangga
patriotisme	peristiwa sejarah	adat istiadat	memajukan

- (a) Sejarah membawa pengajaran dan iktibar agar tidak mengulangi kesilapan yang sama.
- (b) Kita dapat mengenal asal usul, keluarga dan tanah air serta memahami adat istiadat, tradisi dan budaya bangsa.
- (c) Sejarah menjadi sumber kesedaran kepada generasi masa kini dalam meneruskan hubungan harmoni antara kaum di negara kita.
- (d) Sejarah memupuk semangat patriotisme dan berbangga menjadi warganegara Malaysia.
- (e) Kita dapat mengekalkan kegemilangan negara dan berusaha memajukan negara.
- (f) Sejarah mampu meningkatkan pemikiran kritis dan analitis serta mendorong seseorang memahami peristiwa sejarah secara empati.

- 18.** Pandemik COVID-19 telah merebak di Malaysia pada 25 Januari 2020. Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk melaksanakan perintah berkung separa negara yang dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan untuk mengekang pertambahan kes positif dalam negara.

KBAT
Mengaplikasi

Hasilkhan satu laporan yang mengandungi maklumat berikut.

TP 5

- Nama peristiwa
- Tarikh peristiwa
- Kesan kepada masyarakat dan negara
- Iktibar peristiwa tersebut kepada diri

#DudukdiRumah

Bersama kita mencegah jangkitan virus #COVID-19 SIMPTOM



Demam



Batuk



Sesak nafas

Dapatkan rawatan segera jika anda mempunyai simptom tersebut.
Kekal duduk di rumah jika tiada keperluan untuk keluar.

INFO



COVID-19 di
Malaysia

- 19.** Pilih peristiwa bersejarah di Malaysia. Kemudian, tulis satu laporan yang mengandungi maklumat berikut.

SP
1.1.7

KBAT
Mengaplikasi

TP 6

Nama peristiwa

Tokoh terlibat

Lokasi peristiwa

Tarikh peristiwa

Kesan kepada negara

Iktibar kepada diri





PRAKTIS REFLEKSI

BAB 1

Bab 1

eP+
PRAKTIS
EKSTRA

1. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada yang salah.

- (a) Dalam bahasa Inggeris, sejarah ialah *historia* yang bererti kajian tentang peristiwa masa lalu.
- (b) Menurut Khoo Kay Kim, sejarah merujuk kepada apa-apa yang pernah atau sudah berlaku.
- (c) Masa silam dikaji berdasarkan urutan masa yang dinamakan kronologi.
- (d) Sumber primer ialah sumber yang bersifat asli, belum diolah dan belum ditafsir.
- (e) Ensiklopedia merupakan peralatan ciptaan manusia yang digunakan untuk perburuan, pertanian dan perdagangan.
- (f) Sejarah mengajar kita menghargai warisan negara untuk dihayati oleh generasi akan datang.

2. Berdasarkan huraian berikut, nyatakan kaedah penyelidikan sejarah yang betul.

(a) Kajian terhadap sesuatu peristiwa daripada maklumat pada sumber yang dipahat atau ditulis.

Kaedah bertulis

(b) Kaedah yang digunakan secara saintifik untuk mencari maklumat daripada bahan tinggalan sejarah.

Kaedah arkeologi

(c) Proses mendapatkan maklumat melalui temu bual dengan orang sumber.

Kaedah lisan

(d) Kajian saintifik tentang sejarah peninggalan manusia yang terdampar di dasar laut, sungai atau tasik.

Kaedah arkeologi bawah air

KUIZ
CAMIFIKASI



Bab 1

BAB

2

Zaman Air Batu

2.1 Dunia Kita

Buku Teks ms. 26 – 29

1. Tandakan (✓) bagi jawapan yang betul dan (✗) bagi jawapan yang salah.

TP 1

- SP**
2.1.1
- (a) Bumi telah melalui pelbagai perubahan yang memberikan kesan terhadap rupa bentuk fizikal, iklim, cuaca, hidupan dan kedalaman lautan.
 - (b) Kemajuan ilmu sejarah dan biologi membantu manusia untuk mengetahui sejarah yang berlaku kepada bumi sejak jutaan tahun dahulu.
 - (c) Pengetahuan dalam bidang paleontologi, kimia, arkeologi, geologi dan fizik saintis membuat penyelidikan tentang perubahan yang berlaku kepada bumi.
 - (d) Arkeologi merujuk kepada bidang ilmu yang mengkaji pembentukan fizikal bumi.
 - (e) Ahli sains menjangkakan bahawa usia bumi melebihi 4.6 bilion tahun.

2. Namakan haiwan Zaman Air Batu berikut dengan betul.

TP 1

SP
2.1.1*Bison occidentalis**Harimau bertaring panjang**Woolly mammoth**Sloth*

TUTORIAL




Dunia Kita


(a) *Woolly mammoth*(c) *Bison occidentalis*(b) *Sloth*(d) *Harimau bertaring panjang*

TP 2

3. Lengkapkan rajah berikut tentang pembentukan fizikal bumi. *i-Think* *Peta Alir*

SP
2.1.1

4. Lengkapkan peta berikut yang menunjukkan kawasan benua dan lautan.

SP
2.1.1

A	Benua Amerika Utara	E	Benua Asia
B	Benua Amerika Selatan	F	Lautan Atlantik
C	Benua Afrika	G	Lautan Hindi
D	Benua Eropah	H	Lautan Pasifik Utara

2.2 Zaman Air Batu

5. Lengkapkan petikan berikut tentang Zaman Air Batu.

TP 2



SP
2.1.2

Zaman Air Batu merupakan garis masa geologi yang menunjukkan (a) suhu bumi menurun pada tahap (b) membeku dalam jangka masa yang lama. Air batu tebal yang dikenali sebagai (c) lapisan ais menutupi Kutub Utara dan (d) Kutub Selatan. Lapisan ais ini menyebabkan kawasan air batu menjadi luas di kawasan kutub dan (e) pergunungan.

Pada akhir Zaman Air Batu, bumi mengalami proses (f) pengglasieran (kecairan air batu). Terdapat tiga tahap berlakunya glasier, iaitu tahap pertama (900 – 600 juta tahun dahulu), (g) tahap kedua (250 – 80,000 juta tahun dahulu) dan tahap ketiga (10,000 tahun dahulu). Zaman Air Batu berakhir apabila iklim dunia berubah kepada (h) suhu panas.

6. Gambar berikut berkaitan dengan Teori Milankovitch.

TP 2

SP
2.1.2

Soalan	Jawapan
(a) Namakan tokoh tersebut.	Milutin Milankovitch
(b) Jelaskan kesan pusingan bumi mengelilingi matahari.	Menyebabkan berlakunya pelbagai perkembangan dan perubahan pada Zaman Air Batu.
(c) Bagaimakah berlakunya kecairan air batu?	Apabila bumi menghampiri matahari, suhu bumi menjadi panas dan menyebabkan berlakunya kecairan air batu.



7. Lengkapkan ayat berikut tentang tahap Zaman Air Batu.

SP
2.1.2

(a) **Zaman Miosen**

- Berlaku 23 juta – 5 juta tahun dahulu.
- Gunung-ganang terbentuk secara fizikal.
- Wujud mamalia serta hidupan di laut dan di air.
- Suhu dunia panas dan kering.

(b) **Zaman Pliosen**

- Berlaku 5.3 juta – 2.6 juta tahun dahulu.
- Berlaku penyejukan global Zaman Miosen yang lebih panas.
- Penyejukan dan pengeringan alam sekitar global pada masa itu menyumbang kepada penyebaran padang rumput dan savana.
- Terbentuk jambatan darat Panama antara Amerika Utara dan Amerika Selatan yang mendorong penghijrahan tumbuhan dan haiwan ke habitat baharu.
- Terbentuk dataran tinggi di Colorado, Amerika Syarikat yang dikenali sebagai Grand Canyon.

(c) **Zaman Pleistosen**

- Berlaku 2.5 juta – 10,000 tahun dahulu.
- Berlaku glasier utama sebanyak 11 kali.
- Manusia telah mengetahui cara membuat api.
- Kebanyakan binatang ketika itu masih kekal hingga kini.
- Manusia telah sampai ke Australia melalui jalan darat dari Asia Tenggara (Pentas Sunda) sekitar 50,000 tahun dahulu.

(d) **Zaman Holosen**

- Berlaku 10,000 tahun dahulu hingga kini.
- Menunjukkan kemajuan dalam kehidupan manusia.
- Manusia mengetahui cara mendapatkan makanan melalui kegiatan pertanian.
- Roda dan tulisan kunieform dicipta kira-kira 5,500 tahun dahulu.
- Perkembangan tamadun manusia dalam bidang pendidikan, pentadbiran, keagamaan dan undang-undang.

2.3 Garis Masa Zaman Air Batu

Buku Teks ms. 32 – 33


8. Nyatakan tahap Zaman Air Batu.

TP 1


- SP 2.1.3
- | | | |
|-----------|------------|---------------|
| (a) Zaman | Miosen | 23 – 5 juta |
| (b) Zaman | Pliosen | 5 – 2 juta |
| (c) Zaman | Pleistosen | 2.5 – 10,000 |
| (d) Zaman | Holosen | 10,000 – Kini |

9. Namakan hidupan berikut dengan betul.

TP 2



(a) *Deinotherium*




(b) *Dipterus*




(c) *Trilobite*



(d) *Eurypterids*



(e) *Hyracotherium*



(f) *Stegosaurus*



(g) *Diatryma*



(h) *Coiled Cephalopod*

CETUS IDEA



2.4 Ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir

10. Jelaskan ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir berdasarkan aspek berikut.

TP 3

SP
2.1.4

(a)

Suhu



Suhu dunia terlalu sejuk. Dunia dilitupi salji terutama di kawasan kutub dan Benua Eropah.

(b)

Aras laut



Permukaan air laut membeku. Paras air laut rendah. Pulau-pulau bersambung dengan tanah besar. Memudahkan manusia dan binatang bermigrasi.

(c)

Binatang



Binatang seperti mamot berbulu, badak, kuda, dan singa tinggal di kawasan tanah pamah yang sejuk.

(d)

Tumbuhan



Tumbuhan utama ialah rumput dan tumbuhan renik yang menjalar.

(e)

Kehidupan manusia



Terdapat manusia yang tinggal di kawasan tanah pamah yang sejuk dan hidup secara nomad dan memburu binatang.

(f)

Ciri fizikal bumi



Permukaan air laut membeku menyebabkan sebahagian besar bumi dilitupi salji.

2.5 Perubahan Zaman Air Batu Akhir

TP 3

11. Tandakan (✓) pada jawapan yang betul.

- SP 2.1.5 (a) Apakah bahan yang dibawa oleh air batu yang cair dari kawasan gunung semasa menuruni tanah tinggi?

Batu dan tanah	<input checked="" type="checkbox"/>	Kayu dan pasir	<input type="checkbox"/>
----------------	-------------------------------------	----------------	--------------------------

- (b) Nyatakan kesan penting perubahan Zaman Air Batu.

Perubahan fizikal manusia	<input type="checkbox"/>	Perubahan rupa bentuk fizikal bumi	<input checked="" type="checkbox"/>
---------------------------	--------------------------	------------------------------------	-------------------------------------

- (c) Namakan tasik air tawar yang terbentuk kesan daripada kecairan air batu.

Tasik Kenyir	<input type="checkbox"/>	Tasik Dayang Bunting	<input checked="" type="checkbox"/>
--------------	--------------------------	----------------------	-------------------------------------

- (d) Apakah binatang yang pupus pada Zaman Air Batu Akhir?

Sloth dan mamot	<input checked="" type="checkbox"/>	Badak dan gajah	<input type="checkbox"/>
-----------------	-------------------------------------	-----------------	--------------------------

12. Gariskan jawapan yang betul.

TP 4

SP
2.1.5

- (a) Zaman Air Batu Akhir juga dikenali sebagai Zaman (Holosen ; Pliosen).
- (b) Perubahan (masa : iklim) telah memberikan kesan besar terhadap kehidupan manusia kerana perlu menyesuaikan aktiviti harian dengan perubahan iklim.
- (c) Manusia berhijrah dari Benua (Amerika : Afrika) ke Benua Asia dan Benua Eropah.
- (d) Penghijrahan tersebut disebabkan suhu di Benua Asia dan Benua Eropah tidak lagi terlalu (sejuk : panas).
- (e) Kegiatan radiasi bumi yang berlaku daripada sinaran (bulan : matahari) menjadi penyebab utama peningkatan suhu bumi.

2.6 Kesan Perubahan Zaman Air Batu di Asia Tenggara

TP 3

13. Lengkapkan ayat di bawah dengan jawapan yang betul.

SP
2.1.6

Selat Melaka

stegodon

fizikal

daratan

Zaman Holosen

bahasa Melayu

Pentas Sunda

persamaan

- (a) Sebelum 10,000 tahun dahulu, Asia Tenggara merupakan kawasan tanah luas terbentang yang menghubungkan kawasan daratan dengan kepulauan.
- (b) Gugusan tanah luas terbentang itu dikenali sebagai Pentas Sunda yang menjadi tunjang kebayaan di Asia Tenggara.
- (c) Keadaan tersebut menyebabkan negara-negara di Asia Tenggara memiliki ciri-ciri fizikal dan hidupan yang hampir sama.
- (d) Manusia di Asia Tenggara mempunyai persamaan dari segi kepercayaan, asal usul keturunan, bahasa, dan budaya.
- (e) Contohnya, bahasa Melayu digunakan oleh penduduk di Malaysia, Indonesia, selatan Thailand, dan selatan Filipina.
- (f) Kecairan air batu pada peringkat akhir Zaman Holosen menyebabkan terbentuknya sungai dan tasik di Asia Tenggara.
- (g) Aliran sungai yang mengalir telah menenggelamkan kawasan tanah rendah di sepanjang tepi pantai dan membentuk Selat Melaka, Teluk Siam, dan Laut Jawa.
- (h) Perubahan pada Zaman Air Batu Akhir telah memberi kesan kepada bentuk fizikal dan hidupan di Asia Tenggara seperti kepupusan haiwan bersaiz besar seperti pachycrocuta dan stegodon.

14. Lakukan aktiviti berikut.

TP 6



AKTIVITI PAK-21

► Perbincangan

- (a) Bahagikan kelas kepada beberapa kumpulan kecil.
- (b) Setiap kumpulan akan memilih kad mengandungi topik / isu yang diletakkan di atas meja untuk perbincangan kumpulan secara lisan atau bertulis:
- (c) Antara isu perbincangan seperti:
- Pencemaran air
 - Pencemaran laut
 - Pencemaran udara
 - Pencemaran bunyi
- (d) Setiap kumpulan akan membuat kajian dengan mendapatkan maklumat daripada surat khabar, ensiklopedia, atau internet tentang maksud, punca, kesan, dan langkah mengatasinya.
- (e) Hasil dapatan dipersembahkan secara bertulis atau dibentangkan di hadapan kelas.

KBAT EKSTRA






PRAKTIS REFLEKSI

BAB 2

1. Padankan tempoh pembentukan fizikal bumi dengan ciri yang betul.



2. Gariskan jawapan yang betul.

- (a) Zaman Miosen dipercayai berlaku antara 23 juta – 5 juta tahun dahulu dan suhu dunia ketika itu (panas dan kering : sejuk dan lembab).
- (b) Pada Zaman (Pliosen : Pleistosen), terbentuk jambatan darat Panama antara Amerika Utara dan Amerika Selatan yang mendorong penghijrahan tumbuhan dan haiwan ke habitat baharu.
- (c) Pada Zaman Pleistosen, manusia mengetahui cara membuat (air : api) dan kebanyakan binatang yang wujud ketika itu masih kekal hingga kini.
- (d) Zaman Holosen bermula sejak (4.6 bilion tahun : 10,000 tahun) dahulu hingga masa kini dan tamadun manusia terus berkembang dalam pendidikan, pentadbiran, keagamaan, dan undang-undang.
- (e) Pada Zaman Air Batu Akhir, binatang seperti (gajah : mamot), badak, kuda, dan singa tinggal di kawasan tanah pamah yang sejuk.
- (f) Pada Zaman Air Batu Akhir, kecairan air batu telah menyebabkan terbentuknya tasik air tawar seperti (Tasik Dayang Bunting : Tasik Kenyir) di Malaysia dan Great Lakes di Kanada.

KUIZ
GAMIFIKASI



Bab 2

BAB

3

Zaman Prasejarah

3.1 Maksud Zaman Prasejarah

Buku Teks ms. 46 – 47

TP 1

1. Padankan zaman dengan ciri yang betul.

SP
3.1.1

(a) Zaman Batu	Menunjukkan tahap perkembangan teknologi dan corak kehidupan yang lebih baik.
(b) Zaman Prasejarah	Merupakan zaman sebelum manusia mengetahui dan mengenal tulisan.
(c) Zaman Paleolitik	Merujuk kepada penggunaan teknologi batu dalam kehidupan harian manusia pada zaman tersebut.
(d) Zaman Mesolitik	Memperlihatkan cara hidup semakin berkembang dan tahu memburu dan menangkap ikan.
(e) Zaman Neolitik	Dianggap sebagai zaman yang serba mencabar kerana manusia menggunakan teknologi serba ringkas.

TP 2

2. Lengkapkan jadual berikut tentang Zaman Batu.

SP
3.1.1

Zaman	Ciri-ciri
(a) Zaman Paleolitik 	<ul style="list-style-type: none"> • Dianggap sebagai zaman yang serba <u>mencabar</u>. • Menggunakan teknologi <u>batu</u> yang serba ringkas. • Menggunakan <u>peralatan</u> daripada batu dan tulang binatang.
(b) Zaman Mesolitik 	<ul style="list-style-type: none"> • Cara hidup semakin <u>berkembang</u>. • Cuaca pada zaman ini tidak terlalu <u>sejuk</u>. • Manusia memburu <u>binatang</u> dan menangkap ikan.
(c) Zaman Neolitik 	<ul style="list-style-type: none"> • Corak kehidupan manusia semakin <u>baik</u>. • Tahap perkembangan <u>teknologi</u> semakin berkembang. • Wujud kawasan petempatan yang menjalankan kegiatan bercucuk tanam, membuat <u>tembikar</u> dan menternak binatang.

Bab 3

POWERPOINT

3. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah.

TP 2


SP

- 3.1.1 (a) Pada Zaman Logam, manusia melakukan inovasi logam besi dan emas dalam peralatan mereka. 
- (b) Manusia Zaman Logam telah melakukan aktiviti pelayaran dan berjaya meneroka lautan. 
- (c) Mereka turut menjalankan aktiviti pertukaran barang dan peralatan berasaskan plastik. 
- (d) Antara peralatan besi yang digunakan oleh manusia Zaman Logam ialah kapak, tulang mawas, pisau bersoket, beliung dan mata lembing. 
- (e) Peralatan yang dicipta oleh manusia Zaman Logam digunakan untuk memburu, bertani dan memudahkan aktiviti harian mereka. 

4. Lengkapkan garis masa berikut.

TP 2

SP
3.1.1



5. Jawab soalan berikut dengan tepat dan ringkas.

 MAHIR UASA TP 4

- SP
3.1.1 (a) Mengapakah corak kehidupan pada Zaman Neolitik lebih baik berbanding zaman sebelumnya?

KBAT
Mengaplikasi

Wujud kawasan petempatan yang mengamalkan aktiviti bercucuk tanam, membuat tembikar dan menternak binatang.

- (b) Apakah tujuan kita mempelajari Zaman Prasejarah?

KBAT
Menilai

Membolehkan kita mengetahui sejarah dan perkembangan tamadun manusia dan mencontohi nilai kreatif dan inovatif manusia Zaman Prasejarah.


3.2 Lokasi Zaman Prasejarah di Dunia

TP 2

6. Namakan lokasi Zaman Prasejarah di dunia. **i-Think Peta Buih**

SP
3.1.2

CETUS IDEA



TP 2

7. Berdasarkan maklumat berikut, namakan lokasi Zaman Prasejarah di dunia dengan betul.

SP
3.1.2

	Maklumat	Lokasi
(a)	Didiami oleh manusia pada 12,000 SM di Turki. Binaan batu dikaitkan dengan upacara ritual.	Gobekli Tepe
(b)	Bukti lukisan di dalam gua yang terletak di Sepanyol membuktikan kewujudan manusia Zaman Mesolitik.	Altamira
(c)	Terletak di Perancis dan didiami oleh manusia antara 30,000 SM – 27,000 SM.	Gua Chauvet
(d)	Lokasi yang membuktikan wujud kehidupan manusia Zaman Prasejarah di India.	Bhimbetka
(e)	Lokasi ini ditemukan rangka manusia yang dipanggil <i>Peking Man</i> .	Zhoukoudian
(f)	Terletak di Britain dan dikaitkan dengan tempat mengkaji bintang dan menjalankan upacara ritual.	Stonehenge

8. Nyatakan lokasi Zaman Prasejarah di Asia Tenggara dengan betul.

TP 2

SP
3.1.2

Sa Hyun

Ban Chiang

Gua Liang Bua

Lenggong

Gua Padah-lin

Gua Tabon

	Negara	Lokasi
(a)	Filipina	Gua Tabon
(b)	Myanmar	Gua Padah-lin
(c)	Malaysia	Lenggong
(d)	Thailand	Ban Chiang
(e)	Vietnam	Sa Hyun
(f)	Indonesia	Gua Liang Bua

9. Lengkapkan maklumat berikut. Kemudian, namakan lokasi Zaman Prasejarah tersebut.

TP 4

SP
3.1.2

	Lokasi	Maklumat
(a)		<ul style="list-style-type: none"> Membuktikan kehidupan manusia merentas Zaman Paleolitik, <u>Hoabinhian</u> dan Neolitik. Rangka <u>Perak Man</u> berusia 11,000 – 10,000 SM menjadi bukti kehidupan manusia Zaman Prasejarah di Malaysia.
(b)		<ul style="list-style-type: none"> Berusia antara 1,000 SM – 200 Masihi. Pembuatan <u>tembikar</u> merupakan aktiviti utama. Membuktikan kehidupan manusia pada Zaman <u>Besi</u> di Vietnam.
(c)		<ul style="list-style-type: none"> Penemuan <u>rangka</u> manusia berusia antara 22,000 – 24,000 SM. Tapak Zaman <u>Prasejarah</u> di Filipina dianggarkan berusia 47,000 SM.
(d)		<ul style="list-style-type: none"> Tapak Zaman Neolitik dan Zaman <u>Logam</u> berusia 3,600 – 500 SM di Thailand. Menjalankan kegiatan menternak binatang, aktiviti <u>pertanian</u>, pembuatan logam, tekstil dan tembikar tanah.


3.3 Ciri-ciri Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah

10. Lengkapkan jadual bagi membandingkan kehidupan masyarakat Zaman Prasejarah dari aspek berikut. **TP 3**

SP
3.1.3

Ciri-ciri	Zaman Paleolitik	Zaman Neolitik
(a) Tempat kediaman	Di dalam gua, lubang bawah tanah dan di bawah pokok.	Tinggal secara menetap di lembah sungai dan di pesisiran pantai.
(b) Peralatan	Peralatan daripada batu, kayu dan tulang haiwan. Dalam bentuk sedia ada, ringkas dan kasar pembuatannya.	Peralatan lebih kemas dan halus. Mencipta pelbagai peralatan seperti alat menggali dan roda.
(c) Pengumpulan makanan	Merupakan aktiviti paling utama untuk mendapatkan makanan selain memburu binatang. Mengumpul buah-buahan, cendawan, bijiran dan pucuk tumbuhan yang tumbuh liar di dalam hutan.	Perkembangan aktiviti pertanian dan penternakan menyebabkan aktiviti mengumpulkan makanan semakin berkurangan disebabkan sumber bekalan makanan dipenuhi dan mencukupi.

11. Lengkapkan kehidupan masyarakat Zaman Prasejarah berikut. **TP 3**

SP
3.1.3

TUTORIAL
Ciri-ciri Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah

(a) **Kegiatan ekonomi**

Memburu, hidup secara nomad, bersifat sara diri dan bergantung penuh kepada sumber alam semula jadi.

Menjalankan aktiviti pertanian, penternakan, perdagangan secara tukar barang, pertukangan dan pembuatan.

(b) **Kesenian dan kebudayaan**

Menghasilkan lukisan gua yang bersifat realisme.

Mementingkan nilai estetika seperti gendang gangsa yang mempunyai hiasan menarik.

(c) **Kepercayaan**

Animisme dan kepercayaan alam semula jadi.

Penyembahan terhadap kuasa alam dan binaan khusus untuk menjalankan upacara ritual.

12. Nyatakan Zaman Prasejarah yang betul berdasarkan ciri-ciri berikut.

TP 4

SP
3.1.3

	Ciri-ciri	Zaman Prasejarah
(a)	Sistem barter dan pengkhususan pekerjaan bermula.	Zaman Neolitik
(b)	Hidup dalam kelompok kecil dalam keadaan nomad.	Zaman Paleolitik
(c)	Kepercayaan kehidupan selepas mati dan mayat diurus dengan sempurna.	Zaman Neolitik
(d)	Menggunakan panah semasa memburu dan perangkap untuk menangkap ikan.	Zaman Mesolitik
(e)	Peralatan diperbuat daripada tembaga, gangsa dan besi.	Zaman Logam
(f)	Manusia bergantung pada sumber alam semula jadi dan kegiatan ekonomi bersifat sara diri.	Zaman Paleolitik
(g)	Aktiviti pengumpulan makanan hampir tidak dilakukan lagi kerana bekalan makanan mencukupi.	Zaman Logam
(h)	Percaya kepada kuasa alam semula jadi seperti kilat, angin, hujan dan matahari.	Zaman Paleolitik
(i)	Pola geometri yang dikenali sebagai simbolisme menghiasi permukaan tembikar.	Zaman Neolitik
(j)	Binaan khusus dibina untuk upacara ritual dan penyembahan terhadap kuasa alam semakin jelas.	Zaman Logam

13. Jawab soalan-soalan di bawah dengan tepat dan ringkas.

 MAHIR UASA TP 4

SP
3.1.3
KBAT
Menilai

(a) Mengapakah penting bagi manusia Zaman Prasejarah menyesuaikan diri dengan alam sekeliling mereka?

Alam sekeliling membekalkan sumber makanan untuk mereka meneruskan kehidupan.

(b) Bagaimanakah manusia Zaman Prasejarah menyesuaikan kehidupan dengan alam sekeliling?

Mereka tinggal di dalam gua dan lubang bawah tanah yang selamat daripada ancaman binatang liar dan cuaca buruk. Mereka hidup berpindah-randah untuk mencari makanan dan mengumpulkan hasil hutan selain berburu.

